



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (12 OKTOBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **satu (1) kes** positif COVID-19 dikesan di Daerah Kota Samarahan, Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 752 kes.**

#### **A. Kes COVID-19 Yang Baharu Dikesan (1 kes Import B)**

Kes Ke-752 ini merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang bekerja sebagai seorang penyelia di sebuah syarikat pembinaan di Kuching. Kes ini pernah melakukan perjalanan ke Kota Kinabalu, Sabah pada 20 September 2020 dan balik ke Sarawak melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA) pada 1 Oktober 2020.

Semasa tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, kes ini telah menjalani saringan ujian rT-PCR dan diberikan arahan kuarantin di rumah selama 14 hari. Keputusan ujian saringan COVID-19 yang dijalankan pada 1 Oktober 2020 telah didapati negatif.

Pada 9 Oktober 2020 iaitu pada hari ke-10, kes ini telah menjalani saringan ujian rT-PCR COVID-19 dan keputusan ujian yang telah dijalankan oleh Hospital Umum Sarawak telah mengesahkan kes ini positif COVID-19.

Kes ini tidak mengalami atau menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes ini juga telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes ini telah mendapat jangkitan semasa berada di Sabah iaitu kawasan berisiko tinggi dengan COVID-19.

#### **B. Kluster COVID-19 yang masih aktif.**

Hari ini, tiada kluster baharu yang telah dikesan. Walau bagaimanapun terdapat dua (2) kluster yang masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

- i) **Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.** Kluster ini kekal melaporkan empat (4) kes positif COVID-19. Setakat hari ini, jam 12:00 tengah hari:
  - a) Jumlah disaring yang telah disaring: **40 orang**
  - b) Jumlah kontak mempunyai keputusan negatif: **32 orang**
  - c) Jumlah kontak yang masih menunggu keputusan: **4 orang**

- ii) **Kluster Putra di Daerah Bintulu.** Terdapat penambahan satu (1) kes baru positif COVID-19 dikesan melibatkan kluster ini, Kes baharu ini telah dikesan dan didaftarkan di Shah Alam, Selangor. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini ialah seramai enam (6) orang termasuk kes indeks. Setakat hari ini, jam 12:00 tengah hari:
- a) Jumlah yang telah disaring: **113 orang**
  - b) Jumlah kontak mempunyai keputusan negatif: **48 orang**
  - c) Jumlah kontak yang masih menunggu keputusan: **59 orang**

**C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.**

Dimaklumkan juga bahawa **terdapat tiga (3)** kes baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Ketiga-tiga kes ini telah pulih dan dibenarkan discaj dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **688** orang atau **91.49%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital ialah seramai **45** orang iaitu 26 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak, lapan (8) kes di Hospital Miri, tujuh (7) kes Hospital Bintulu dan empat (4) orang di Hospital Sibul.

**Tiada** kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **TIADA (0)** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.53%**.

Hari ini **tiga belas (13) PUI** baru telah dilaporkan dan **dua (2)** PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

#### **D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, Daerah Kuching, Sibul, Bintulu dan Lubok Antu kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan seramai dua belas (12) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Tiada penambahan kes jangkitan tempatan baharu dilaporkan atau dikesan bagi daerah-daerah tersebut pada hari ini.

Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Kuning adalah empat (4) buah daerah dan 36 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

## **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah bermesyuarat hari ini dan beberapa keputusan telah dibuat seperti berikut:

### **A. Penutupan Sekolah**

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah mengeluarkan arahan penutupan SMK Bandar Bintulu untuk tempoh tujuh (7) hari mulai 10 hingga 16 Oktober 2020 bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan dan disinfeksi dijalankan seperti yang terkandung dalam surat Arahan Penutupan Sekolah kerana Pengesahan Kes Jangkitan COVID-19 daripada Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.

### **B. Penutupan Pusat Hiburan Yang Melanggar SOP PKPP**

Setakat hari ini terdapat empat (4) pusat hiburan telah diarahkan tutup berikutan pelanggaran SOP PKPP yang telah disediakan. Pusat hiburan yang melanggar SOP PKPP diarahkan tutup selama 14 hari bermula dari Tarikh kompaun dikeluarkan.

Manakala, pusat hiburan yang beroperasi tanpa lesen diarahkan tutup atau dikenakan tindakan yang lebih berat. Bagi pusat hiburan yang lesen telah tamat tempoh diarahkan tutup sehingga lesen diperbaharui.

### **3. LAPORAN NOTIS AMARAN / SITAAN**

Pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **91 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan SMC (36), BDA (22), DBKU (13), MBKS (9), MDMJ (3), MPKS (2), MD Serian (2), MDDM (2) dan MB Miri (2).

### **4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)**

Hari ini sebanyak **1,566 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (206), Restoran (232), Kilang (14), Bank (120), Pejabat Kerajaan (51), Penjaja (71), Pasar Tani/Awam (77), Tempat Ibadah (79), Tempat Riadah (40), Tapak Pembinaan (21) dan lain-lain (655).

Seramai **515 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (227), ATM (36), RELA (115), APM (91), PBT (41) dan lain-lain agensi (5).

### **5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **988** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**12 OKTOBER 2020**

**4.00 PETANG**

**MAKLUMAT TAMBAHAN****1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK**

Kes Terdahulu	751	Kes sedang dirawat di hospital	45	5.98%
Kes Baharu	1	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	124,904	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	752	Jumlah kes kematian	19	2.53%
IR per 100,000 penduduk	24.38	Kes telah sembuh dan discaj	688	91.49%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	12	9,097	13	9,849
Menunggu keputusan	2	0		
			<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	26	4	7	8	0	45
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	3	0	0	0	3
	Kumulatif	580	35	39	32	688
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (4)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lubok Antu	3	27	0	3	0	0	0	0	3	3	1
2	Kuching	8	6,511	0	453	3	422	0	12	19	23	4
3	Bintulu	0	308	0	46	0	39	0	0	7	7	5
4	Sibu	0	115	0	15	0	11	0	0	4	4	2
Jumlah		11	6961	0	517	3	472	0	12	33	37	12

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lawas	0	20	0	4	0	1	0	0	3	0	0
2	Serian	0	314	0	24	0	24	0	0	0	0	0
3	Lundu	1	249	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Bau	0	178	0	7	0	6	0	0	1	1	0
5	Samarahan	1	569	1	113	0	108	0	4	1	1	0
6	Simunjan	0	62	0	8	0	8	0	0	0	0	0
7	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
8	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
9	Limbang	0	31	0	9	0	8	0	1	0	0	0
10	Miri	0	840	0	29	0	23	0	1	5	5	0
11	Asajaya	0	43	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	54	0	4	0	2	0	1	1	1	0
13	Betong	0	189	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	0	0	0	1	1	0
29	Kapit	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>2</b>	<b>2,888</b>	<b>1</b>	<b>235</b>	<b>0</b>	<b>216</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>12</b>	<b>9</b>	<b>0</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>13</b>	<b>9,849</b>	<b>1</b>	<b>752</b>	<b>3</b>	<b>688</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>45</b>	<b>46</b>	<b>12</b>

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**



## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **298** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **19 buah hotel** adalah seramai **1,786 orang**. Manakala seramai **25,888 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 12.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (756)	Hock Lee	146
2		Kuching Park	82
3		Hilton	128
4		Harbour View	237
5		Riverside (Astana Wing)	163
6	Miri (609)	Imperial Palace	122
7		Eastwood Valley	81
8		Meritz	220
9		Miri	26
10		Dynasty	128
11		Citi Hotel	32
12	Bintulu (69)	Wasan Inn	34
13		Motel Kapok	16
14		Faber Inn	19
15	Limbang (182)	Purnama	99
16		Shangshan (Lawas)	59
17		Mandarin (Lawas)	24
18	Sibu (170)	Premier	140
19		Diocesan Pastoral	30
<b>Jumlah PUS</b>			<b>1,786</b>

### 3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **7 lokasi di Kuching (5) dan Miri (2)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,741 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 12.10.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>5</b>	<b>549</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>2</b>	<b>320</b>
3	Sibu	TIADA	176
4	Samarahan	TIADA	122
5	Bintulu	TIADA	115
6	Sarikei	TIADA	109
7	Limbang	TIADA	84
8	Serian	TIADA	66
9	Betong	TIADA	56
10	Kapit	TIADA	51
11	Mukah	TIADA	48
12	Sri Aman	TIADA	45
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>1,741</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **36 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 12.10.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	2
2	MD Serian	3
3	MDSA	5
4	MP Sibul	9
5	MCC	13
6	MD Marudi	3
7	MD Lawas	1
<b>Jumlah</b>		<b>36</b>